

Sains, Matematik dalam BI secara berperingkat

19 JUL 2002

KUALA LUMPUR 19 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bermula di sekolah kebangsaan.

Perdana Menteri berkata, mesyuarat khas kabinet yang dipengeruskannya pada petang ini turut memutuskan supaya pelaksanaannya tetap dimulakan pada tahun depan.

Menurutnya, pelaksanaan secara berperingkat itu diputuskan setelah kajian yang dijalankan mendapati sekolah akan menghadapi masalah jika ia dilaksanakan secara serentak di semua peringkat.

"Hari ini tidak ada keputusan dibuat tetapi kita mendapat petunjuk tentang cara-cara ia akan dilaksanakan.

"Ada masalah sedikit kalau hendak buat serentak di semua peringkat. Jadi, kita akan bincang lagi," katanya ketika ditemui selepas menyaksikan teater bertajuk Anugerah di Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur malam ini.

Turut hadir ialah Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali.

Dr. Mahathir menjelaskan, kabinet akan membincangkan lagi perkara itu dalam mesyuarat kabinet Rabu depan.

"Sebenarnya, kita belum habis bincang. Masih ada perkara yang hendak dibincangkan," katanya.

Ini, katanya, termasuk bahasa yang akan digunakan dalam peperiksaan sama ada secara dwi bahasa atau bahasa Inggeris.

Mengenai pelaksanaan di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil, Perdana Menteri berkata, perkara itu masih belum diputuskan.

Secara keseluruhannya, Dr. Mahathir berkata, beliau berpuas hati dengan hasil kajian yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan itu walaupun ia masih memerlukan perbincangan lanjut oleh kabinet.

Sementara itu, Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad berkata, beliau akan membuat pengumuman penting esok hasil keputusan mesyuarat khas Kabinet petang ini.

Katanya, pengumuman itu akan dibuat pada satu sidang akhbar yang diadakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Labu, Negeri Sembilan.

"Sabarlah. Esok saya akan membuat penjelasan mengenai perkara itu," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika dihubungi malam ini.

Sementara itu, sumber memberitahu *Utusan Malaysia*, pada mesyuarat itu kabinet telah bersetuju Sains dan Matematik diajar dalam bahasa Inggeris, namun menetapkan pelaksanaannya dibuat secara lebih fleksibel demi memastikan ia tidak membekankan mana-mana pihak.

"Keputusan yang dibuat akan menggembirakan semua pihak. Tunggulah pengumuman rasmi mengenainya.

"Jemaah menteri sependapat bahawa pengajaran kedua-dua mata pelajaran itu dalam bahasa Inggeris adalah penting dan perlu dikuasai oleh para pelajar di semua peringkat," katanya.